

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 AUGUST 2016

**P**ENDIRIAN Tamrin Ghafar untuk tidak menyertai Parti Pribumi yang dirintis oleh Dr. Mahathir Mohamad, Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir, menarik perhatian.

Beliau juga mengisytiharkan diri keluar daripada Sekretariat Deklarasi Rakyat yang diketuai Dr. Mahathir. Awang lihat ia satu lagi tamparan kepada Dr. Mahathir, yang percaturannya kebelakangan ini tidak menjadi.

Beberapa kenyataannya mengundang kontroversi yang tidak membantu politik beliau antaranya isu konspirasi tiga Tan Sri bagi menjatuhkan Perdana Menteri. Ia boleh ditafsir bahawa konspirasi itu memang benar dirancang.

Kritikan Dr. Mahathir



**TAMRIN  
GHAFAR**

## DR. M, PRIBUMI



**Serba-serbi tindakan dan kenyataan mantan Perdana Menteri itu bagai tidak kena. Ternyata Dr. Mahathir bukan sahaja makin terhakis pengaruh malah hilang elegannya.**

terhadap konsep Bangsa Johor turut menyebabkan Sultan Johor menyanggahnya sambil memberikan peringatan keras mahukan beliau menutup mulut.

Begitu juga, tindakan beliau memohon maaf secara terbuka berhubung pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Perdana Menteri.

Ia membuka banyak persoalan baharu. Sudah ada suara-suara mahukan Dr. Mahathir memohon

maaf terhadap banyak isu dan perkara lain.

Tidak kurang diperkatakan adalah kenyataan beliau bahawa penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah di bawah kuasa Timbalan Menteri Dalam Negeri, Megat Junid Megat Ayub. Keluarga Allahyarham Megat kemudian tampil mempertikaikan kenyataan Dr. Mahathir, yang sepatutnya bertanggungjawab penuh atas kedudukannya sebagai Menteri Dalam Negeri selain Perdana Menteri ketika itu.

Serba-serbi tindakan dan kenyataan mantan Perdana Menteri itu bagai tidak kena. Ternyata Dr. Mahathir bukan sahaja makin terhakis pengaruh malah hilang elegannya. Lalu timbul pertanyaan apa nasib beliau dan Parti Pribumi selepas ini? Apakah beliau masih banyak membantu atau telah bertukar menjadi liabiliti?

Um-28/8/2016